

02 NOV 2003

Najib-Umno

UMNO HADAPI PILIHAN RAYA DALAM KEADAAN AMAT STABIL, KATA NAJIB

PEKAN, 2 Nov (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak berkata Umno menghadapi pilihan raya akan datang dalam suasana perpaduan yang kukuh dan keadaan politik yang stabil serta matang.

Katanya kematangan dan kestabilan itu jelas dapat dilihat sewaktu proses peralihan kuasa pucuk pimpinan negara yang berlangsung dalam suasana yang terkawal dan terancang.

"Kita percaya bahawa peralihan kuasa ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah kerana semua pemimpin terutama di peringkat ahli parti telah memberi pengakuan akan menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri dan pemangku presiden parti," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk Kampung Sri Makmur di Masjid Al-Fatah, Sri Makmur di sini malam tadi.

Najib, yang juga Menteri Pertahanan, berkata beliau yakin keadaan politik yang teratur dan stabil ini dapat terus dikekalkan menjelang pilihan raya akan datang.

"Semua ahli parti berpegang kepada nasihat Dr Mahathir supaya menjaga dan mempertahankan parti dengan sebaik-baiknya, perjuangan hanya berjaya kalau parti berjaya, parti berjaya sekiranya kita bersatu padu kekalkan keharmonian dan bekerja dalam satu pasukan untuk capai kecemerlangan dan kejayaan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata Malaysia berjaya membuktikan bahawa negara yang sedang membangun juga boleh menerima peralihan politik secara teratur dan terancang tanpa berlaku insiden tidak diingini.

Katanya Malaysia juga berjaya membuktikan bahawa kematangan politik negara telah berada pada satu tahap yang kukuh dan unsur-unsur negatif yang cuba menggugat kestabilan politik dapat diatasi dengan mudah berdasarkan perpaduan yang erat.

-- BERNAMA

LIB MAI